

## KEBANGKITAN DAN GERAKAN TENTERA SELENDANG MERAH DALAM SEJARAH DAERAH MUAR DAN BATU PAHAT

Oleh:

HAIRI ABDULLAH,

Jabatan Antropologi & Sosiologi UKM.

Masyarakat negeri Johor berada dalam keadaan cemas apabila tentera Jepun yang mendominasikan politik menjadi semakin lemah pada bulan September 1945. Rasa cemas itu bukanlah disebabkan mereka sayang pada tentera Jepun (yang babit kekalahannya semakin jelas selepas Tentera Berikat memusnahkan Hiroshima-Nagasaki) tetapi perasaan itu lahir disebabkan oleh berbagai masalah sosial yang semakin meruncing akibat dari sistem pemerintahan yang *authoritarian* dan terlalu tidak berperi kemanusiaan. Boleh dikatakan tidak ada siapapun yang rasional dan taat setia pada bangsa, ugama dan negara menyokong cara-cara Jepun memerintah; justru itu bangkit menentangnya baik secara diam-diam maupun nyata.

Secara kebentulan gerakan yang dimanifestasikan oleh organisasi MPAJA di Johor dan daerah-daerah Muar-Batu Pahat didominasi oleh orang-orang China, iaitu golongan yang dibenci oleh Jepun sejak mula-mula tenteranya menguasai negeri ini. Sikap pro-Melayu dan anti China Jepun ini telah menimbulkan berbagai prasangka di kalangan orang-orang China terutama prasangka mereka terhadap orang-orang Melayu yang tidak menyokong gerakannya dan bekerja dengan Jepun. Oleh yang demikian orang-orang China yang menjalankan gerakan bawah tanah, berpusat di hutan-rimba dan bukit bukau itu senantiasa memikirkan strategi untuk menghalau Jepun dan mengambil alih pentadbiran negara. Tujuan ini akhirnya telah dicapai apabila mereka keluar mengambil alih pemerintahan dengan menguasai balai polis daerah dan bandar-bandar kecil sebaik sahaja Jepun mengaku kalah dan negara dalam zaman peralihan sementara Inggeris sedang berusaha mengambil semula kuasa di negeri ini. Dalam zaman peralihan yang singkat ini (kira-kira dua minggu) merupakan satu zaman yang bersejarah dalam pergolakan sosial di daerah ini kerana dalam tempuh itulah berbagai masalah yang melibatkan hubungan etnik antara Melayu dengan China telah mendominasikan gerakan sosial iaitu satu manifestasi sosial yang timbul lantaran kuatnya semangat bencikan pada kekejaman pemerintahan tentera Jepun. Hakikat ini menyebabkan semakin kukuhnya pendapat yang mengatakan bahawa Jepun adalah bertanggungjawab secara langsung bukan sahaja telah menjadikan negeri ini mengalami kekurangan makanan dan pakaian tetapi juga telah mencetuskan konflik perkauman Melayu-China di negeri ini.

### Keganasan Bintang Tiga dan "Ketumbu Gila"

*Morale* tentera Jepun dinegeri ini menjadi lemah, sebaik sahaja Maharajanya membuat pengakuan menyerah kalah kepada Tentera Berikat di Tokyo. Dengan itu mereka tidak lagi memperdulikan hal-hal pentadbiran dan keselamatan rakyat dan membiarkan sahaja gerakan MPAJA mengukuhkan pasokannya, mencari bantuan dan sokongan dari segenap lapisan rakyat. Pasukan penentang tentera Jepun yang sekian lama berpusat di hutan dan bukit bukau itu pun menjadi semakin berani keluar memaksa orang-orang kampung menjadi penyokongnya dengan mengenakan yuran dan membekalkan bahan-bahan makanan. Oleh sebab tindakan ini dilakukan secara paksa maka ia telah menimbulkan berbagai reaksi

di kalangan orang ramai, apalagi bila didapati angkatan penentang Jepun yang secara kebetulan dianggotai oleh orang-orang China itu juga melakukan kekejaman terhadap sesiapa sahaja yang membantah arahannya. Malah dalam kebanyakan hal seperti yang berlaku diberbagai kampung di daerah Muar dan Batu Pahat, mereka telah merampas bahan-bahan makanan dari orang-orang kampung, menyiksa orang-orang yang disyaki bekerjasama dengan Jepun tanpa sebarang siasatan lanjut, dan aktiviti ini mencetuskan suasana hidup yang senantiasa dalam takut dan cemas.

Orang-orang China daerah Muar yang cergas dalam gerakan ini telah menjadikan Bakeri Batu Enam Bukit Mor sebagai markas besarnya. Markas ini dianggap oleh penduduk disekitarnya sebagai "lubuk hitam" yang paling bahaya kerana disitulah segala rupa jenis seksaan, termasuk pembunuhan, dilakukan oleh tentera-tentera penentang Jepun terhadap sesiapa sahaja rakyat yang dianggap sebagai musuh mereka. Istilah *musuh* ini meliputi semua orang yang tidak mahu bekerjasama dengannya, seperti tidak menjadi penyokong, tidak membantu dan tidak menyerahkan makanan yang dipinta olehnya, atau disyaki bersubahat dan rapat kepada orang-orang Jepun. Secara kebetulan oleh sebab kampung-kampung disekitar lubuk hitam ini didiami oleh orang-orang Melayu dari berbagai keturunan, termasuk Jawa dan Bugis, manakala tentera-tentera penentang Jepun terdiri daripada orang-orang China inaka gerakan yang semakin serious dan berani (malah dalam kebanyakan hal ganas — lebih ganas dari tentera Jepun) itu dianggap oleh penduduk daerah ini sebagai satu gerakan untuk menimbulkan huru-hara dan mengancam perjalanan sistem sosial orang-orang Melayu. Apa lagi bila diketahui yang maharaja Jepun telah mengistiharkan kekalahan pihaknya dan sudah tentu mereka tidak boleh kekal memerintah negeri ini; justru itu gerakan menentang imperialis Jepun dianggapnya telah selesai. Namun demikian gerakan dari "lubuk hitam" semakin intensif sehingga akhirnya mereka telah dapat mengambil-alih pentadbiran Balai Polis Bandar Maharani dan Parit Jawa tanpa sebarang masaalah kerana kedudukan Jepun sememangnya telah lemah dan mereka tidak memperdulikan lagi jentera pentadbirannya. Di Balai Polis Bandar Maharani misalnya ketika pengambilan alih kuasa dilakukan, tidak ada apa-apa penentangan, kerana cuma ada seorang sahaja pegawai tentera Jepun yang bertugas, manakala tentera China yang datang sebanyak tiga buah lori cukup alat kelengkapan senjata. Keadaan di Balai Polis Parit Jawa pun demikian juga. Malah ramai tentera-tentera yang menawan Balai Polis Parit Jawa itu datang hanya dengan berjalan kaki. Mereka terus meluru ke Balai Polis tanpa sebarang sekatan, dan dengan mudah menaikkan bendera yang berlambangkan 'Bintang Tiga'. Sebaik sahaja selesai upacara menaikkan bendera, mereka telah menembak seorang inspektor polis, Encik Bujang, kerana dianggap telah berkhidmat dengan tekun bersama tentera-tentera Jepun. Oleh itu ia dianggap paling khianat. Tentera-tentera yang menggunakan bendera berlambang "Bintang Tiga" ini terus merunda disekitar Bandar Maharani dan Parit Jawa, dan cuba mendapatkan sokongan dari orang ramai.

Usaha mereka itu sangat mudah di Bandar Maharani kerana penduduknya yang sebahagian besar terdiri daripada orang-orang China cepat memberikan sokongan dan bantuan, termasuk bantuan makanan, senjata dan maklumat. Bagaimanapun mereka telah menghadapi masaalah yang rumit di Parit Jawa kerana ramai

diantara penduduknya yang terdiri daripada orang-orang Melayu keturunan Jawa, Banjar dan Bugis semakin kuat menaruh sangsi di atas penggunaan bendera "Bintang Tiga". Rasa sangsi mereka itu semakin dominan apabila melihat telatah ganas yang ditunjukkan, sehingga mereka sanggup bertindak dan menganiaya sesiapa sahaja. Tindakan ini menyebabkan ramai orang-orang kampung yang tidak bersalah tetapi difitnahkan oleh orang-orang tertentu, termasuk orang-orang biasa yang sakit hati terhadap orang lain, menjadi mangsa. Encik Yunos bin Haji Jaafar, seorang keluarga Penghulu Mukim Seri Menanti, misalnya, telah dituduh menjadi pengintip Jepun semata-mata kerana beliau pernah bekerja di Jabatan Percetakan Jepun di Bandar Maharani, telah diseksa disepanjang jalan dari Seri Menanti ke Bukit Mor Bakeri, sehingga akhirnya mati di sana. Encik Ahmad Shamsuddin dari Parit Jamil Darat pula telah ditangkap sedang ia membetulkan atap rumahnya dan dibawa ke "lubok hitam". Sejak itu ia tidak diketahui kesudahannya, dan orang ramai menganggap ia diseksa dan dibunuh kerana dituduh sebagai pernah mengemukakan pendapat tidak setuju tindak-tanduk tentera "Bintang Tiga".

Peranan ganas tentera yang menggunakan lambang Bintang Tiga itu telah menyebabkan ramai daerah ini menganggapnya sebagai komini yang mabok kuasa. Lantaran itu sehingga kini mereka masih tidak dapat melupakan tindak-tanduk tentera Bintang Tiga yang dianggap "gatal-mengenyam" seperti "ketumbu-gila."

#### Pencabulan Pada Kesucian Ugama

Sungguhpun tentera Bintang Tiga itu menjalankan dasar kuku besi yang ganas dan kejam terhadap orang ramai, masyarakat Melayu yang waktu itu sedang berpuasa bulan Ramadhan (1365) belum pernah melawan dalam bentuk yang terbuka atau terang-terangan. Mereka cuma bersikap mahu mempertahankan diri dengan beramal ibadat dan berdoa kepada Tuhan agar segera dijauhkan dari mala-petaka. Oleh itu surau dan masjid senantiasa penuh, bukan sahaja waktu sembahyang terawikh, tetapi juga waktu-waktu lain dimana masyarakat Islam disitu beramal secara beramai-ramai. Di samping itu orang ramai juga mengukuhkan perpaduan mereka, sehingga mereka tidak lagi berjalan seorang diri. Sebaliknya mereka senantiasa berkelompok walau kemana sekalipun mereka pergi. Orang-orang Melayu yang menjadi anggota MPAJA semakin ramai yang mengundurkan diri kerana mereka juga mula mencurigai akan nasib masing-masing dimasa akan datang.

Melihatkan pada reaksi orang-orang kampung yang demikian maka tentera-tentera Bintang Tiga menjadi semakin berani sehingga akhirnya bukan sahaja mereka menganiaya orang-orang yang tidak bersalah tetapi telah cuba mengganggu orang-orang yang sedang menuaikan ibadat puasa Ramadhan dengan mengacau dan dalam beberapa hal mereka telah melarang, orang-orang Melayu pergi berkumpul di surau atau masjid untuk menuaikan sembahyang terawikh dan beramal ibadat secara berjamaah. Perbuatan ini telah menjadikan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu semakin kukuh dan kebencian terhadap tentera-tentera Bintang Tiga menjadi semakin meluas. Malah kebencian itu bukan sahaja pada tentera-tentera tetapi menyeluruh pada komuniti China kerana, seperti yang telah disebutkan, tentera-tentera itu dianggotai oleh orang-orang China; dan ramai

pula orang-orang China biasa yang berniaga dan berkebun telah bekerjasama dengan mereka dan ramai yang melakukan fitnah terhadap orang-orang Melayu sehingga ramai orang-orang Melayu yang diseksa di "lubok hitam." Perkembangan baru itu telah secara langsung menukar arah pergolakan daripada gerakan menentang imperialis Jepun menjadi gerakan China menentang Melayu. Masyarakat Melayu telah hilang kepercayaan terhadap orang-orang China apabila tentera-tentera Bintang Tiga mula mengganggu upacara keugamaan di surau dan masjid. Kebencian masyarakat Melayu telah sampai pada peringkat kemuncak apabila tentera-tentera tersebut semakin berani hingga mencemarkan rumah-rumah suci. Mereka menjadi tidak sabar apabila mengetahui Masjid di Air Hitam Muar telah digunakan bagi menyembelih babi dan menyebabkan masyarakat di situ terganggu langsung daripada mengamalkan ibadat sembahyang terawikh dan jumaah.

Seluruh masyarakat Melayu di daerah ini sependapat mengenai keangkuhan dan kesombongan tentera Bintang Tiga dan orang-orang China yang masih kukuh menyokong gerakannya, sehingga ramai yang merasa kesal atas sokongan yang pernah diberikan dalam MPAJA dahulu. Lantaran itu maka masyarakat Melayu yang berugama Islam telah menubuhkan satu angkatan tentera bagi menentang keganasan masyarakat China yang telah mencemarkan agama suci mereka itu.

### **Pembentukan Tentera Sabil Selendang Merah**

Angkatan tentera itu telah dipelopori oleh Haji Salleh bin Abdul Karim seorang mualim yang tinggal di Parit Maimon, Simpang Kiri, Batu Pahat iaitu setelah keganasan tentera Bintang Tiga cuba merosakkan sistem hidup orang-orang Islam dan beliau, mengikut ceritanya, telah mendapat 'seruan' untuk membela ugama Islam yang suci itu. Seruan itu diterimanya ketika ia mengetuai satu upacara membaca doa dan bersembahyang di surau kampungnya, memohon pada Tuhan agar malapetaka yang sedang berlaku itu tidak merebak lebih luas lagi. Semasa ia khusuk berdoa dan membaca ayat-ayat suci Al-Quran itu tiba-tiba kedengaran suara halus di dalam hatinya. "Kalau kamu tentang pencabulan ini, Tuhan akan beserta kamu; gunakanlah sebarang senjata yang ada pada kamu. Kalau kamu tidak menentangnya harus kamu habis ditindasnya. Bangunlah menentang di atas daya kamu dan gunakanlah ayat-ayat Al-Quran yang tertentu sebagaimana yang digunakan zaman Rasul-Allah melawan kafir dahulu, dan ayat-ayat yang digunakan dalam perang Sabil zaman Khalifah Islam dahulu."

Selepas peristiwa itu Haji Salleh Abdul Karim mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran yang dimaksudkan dan mula diajarkan kepada mereka yang sama-sama bersembahyang di surau kampungnya. Sejak itu boleh dikatakan semua orang lelaki, tua dan muda, di kampungnya telah bersatu mempelajari dan mengamalkan ayat-ayat Al-Quran yang diberikan, sebagai langkah permulaan untuk membuat persediaan penubuhan tentera Islam yang pertama di negeri ini. Sebaik sahaja mereka itu fasih pada amalan dan syarat-syaratnya maka Haji Salleh terus menubuhkan Tentera Sabil Selendang Merah dengan ia sendiri menjadi panglima dan memakai gelaran "kiaii". Majoriti pengikut dan penyokongnya terdiri daripada orang-orang Melayu keturunan Jawa dan Banjar.

Pada pokoknya angkatan tentera ini mempunyai tiga tujuan besar iaitu mempertahankan kehormatan ugama Islam dan tempat-tempat ibadat yang telah di-

nodai oleh "ketumbu gila", menentang dan memusnahkan segala kezaliman yang dilakukan oleh tentera Bintang Tiga, dan akhirnya untuk mengawal marwah bangsa, hak dan harta orang-orang Islam.

### **Organisasi Tentera Sabil Selendang Merah**

Panglima perang Kiaii Haji Salleh Abdul Karim telah menubuhkan beberapa pasukan yang masing-masing diberi tugas untuk mengawal kawasan-kawasan yang ditentukan. Pembahagian kawasan itu tidak berhad di daerah Muar dan Batu Pahat sahaja tetapi meliputi seluruh negeri Johor; dan organisasi tiap-tiap pasukan diketuai oleh pembantu-pembantunya seperti berikut:

PESURUHJAYA 'AM	:	Kiaii Wak Joyo
KAWASAN JOHOR SELATAN	:	Ketua I, Kiaii Kusin Ketua II, Kiaii Mashhud Ketua III, Kiaii Mayor (Moh).
KAWASAN JOHOR TIMOR	:	Ketua I, Kiaii Saudi Ketua II, Kiaii Maskam Ketua III, Kiaii Sarbini
KAWASAN JOHOR UTARA	:	Ketua I, Kiaii Mustahir Ketua II, Kiaii Haji Shamsuddin Ketua III, Kiaii Haji Shukor

Semua ketua yang dilantik dan memakai gelaran "kiaii" ini adalah mereka yang diberikan kepercayaan penuh oleh Panglima Tentera untuk memimpin pasukan masing-masing, menyusun dan menubuhkan cawangan kecil diseluruh kampung di negeri Johor demi untuk membesar dan memperkuatkan lagi organisasi tentera yang baru ditubuhkan. Sungguhpun demikian organisasi pusat tentera ini tidak dapat membekalkan senjata api untuk digunakan bagi mempertahankan diri dan menyerang bila perlu, sebaliknya orang ramai yang menyertainya dibekalkan dengan "selendang merah" yang bertulis dengan ayat-ayat suci Al-Quran dan beberapa ayat lain serta petua perjuangan untuk diamalkan bagi menghadapi musuh. Mereka juga digalakkan menggunakan apa sahaja senjata yang dimilikinya, seperti parang panjang, senapang patah, lembing, pedang, keris, sundang dan tombak.

Pada keseluruhannya kira-kira 80 peratus tentera ini menggunakan parang panjang sebagai senjata utama, 10 peratus menggunakan senapang patah dan 10 peratus lagi menggunakan lembing, pedang, keris, tombak dan sundang. Oleh sebab senjatanya terdiri dari parang panjang maka orang-orang kampung sehingga hari ini mengenang zaman itu sebagai "zaman perang parang panjang". Bagaimanapun senjata-senjata itu dikatakan mempunyai kesaktian dan hikmat. Panglima Kiaii Salleh sendiri menggunakan pedang hikmat yang telah dibadiahkan oleh ibunya. Pedang ini boleh dilipat dan dililit seperti tali pinggang. Kiaii Saudi pula menggunakan tongkat sakti yang didapati dari perdu Kayu Kelo di Tanah Jawa dan mempunyai hikmat besar kerana sesiapa yang menggunakan akan menjadi kebal dan tidak boleh ditembusi oleh sebarang senjata.

### **Disiplin Tentera Selendang Merah**

Tiap-tiap anggotanya tentera Selendang Merah ini, dikehendaki patuh dan

menunaikan segala anjuran yang berteraskan pada kitab suci Al-Quran. Mana-mana tempat yang hendak menubuhkan pasukan cawangan mestilah direstui oleh ketua wilayah; dimana ketua wilayah akan memimpin orang-orang dikawasan itu untuk bersembahyang berjamaah di surau. Selepas sembahyang Isyak, mulalah mereka diajarkan ayat-ayat Al-Quran yang telah ditentukan yang diantaranya meliputi bacaan-bacaan untuk berjalan, bacaan untuk berperang, bacaan untuk menyerang, dan bacaan sedang berperang, disamping ayat-ayat lain yang wajib diamalkan setiap kali lepas bersembahyang lima waktu.

Sebaik sahaja orang-orang ini tamat mempelajari ayat-ayat suci Al-Quran, barulah mereka akan ditauliahkan dalam satu upacara menyampaikan Selendang Merah, iaitu sehelai kain merah selebar kira-kira empat inci dan panjangnya cukup untuk diselempangkan dari atas bahu kanan hingga ke bawah ketiak kiri. Kain ini bertulis dengan ayat-ayat Al-Quran; dan sesiapa yang telah dikurniakan dengan Selendang Merah ini mestilah meneruskan amal ibadat dan membaca ayat-ayat yang diajarkan setiap kali selepas sembahyang supaya ia benar-benar cukup sebatи dan mesra dengan ayat-ayat tersebut. Selepas itu barulah ia diuji oleh kiaii yang mengetuainya untuk mempastikan sejauh mana pengikutnya faham dan hafal akan ajaran yang diberikan.

Mereka yang telah lulus ujian dibolehkan terus menggunakan Seledang Merah tersebut tetapi mereka hendaklah patuh pada aturan dan menjauhi pantang larang yang dikenakan. Antara peraturan-peraturan itu meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

- (1) Anggota Selendang Merah boleh memakai Selendang itu setiap masa, kecuali waktu mereka pergi ke bilik air atau sewaktu membuang air, sama ada kecil ataupun besar.
- (2) Anggota Selendang Merah mestilah mengasapkan (sambil membaca takbir) Selendang Merah itu dengan kemenyan setiap petang Jumaat.
- (3) Anggota Selendang Merah hendaklah menuunaikan sembahyang lima waktu, walau dimana sekalipun.
- (4) Anggota Selendang Merah tidak boleh berjudi, minum arak, berzina dan membuat sebarang maksiat.
- (5) Anggota Selendang Merah tidak boleh tamakkan harta sewaktu menghadapi peperangan. Oleh itu mereka tidak dibenarkan mengambil barang-barang yang dijumpai termasuk wang dan perempuan.
- (6) Anggota Selendang Merah tidak boleh melakukan perbuatan yang zalim terhadap orang yang tidak bersalah.
- (7) Anggota Selendang Merah mesti sentiasa ada air sembahyang, terutamanya kalau mereka pergi berperang.

Semua peraturan-peraturan ini hendaklah dipatuhi kerana walaupun mereka yang melanggarnya tidak akan dihadapkan dalam mana-mana mahkamah tentera dan tidak pula akan dihukum oleh ketua atau panglimanya tetapi mereka dikatakan akan mengalami kegagalan dan mendapat mala-petaka dalam perjuangan. Sebaliknya sesiapa yang jujur dan patuh pada peraturan dan ajaran akan semakin kukuh semangatnya dan semakin kuat jiwanya dalam menghadapi sebarang masalah perjuangan.

### **Gerakan Tentera Selendang Merah**

Oleh sebab penubuhan tentera ini rapat kaitannya dengan usaha untuk mempertahankan maruah bangsa dan ugama, maka tindakan tentera Bintang Tiga membunuh orang-orang Melayu dan menyembelih babi di dalam masjid dianggap sebagai perbuatan kejam yang mengancam bangsa dan ugama. Lantaran itu maka Panglima Kiaii Salleh dan Kiaii Mashhudi telah mengumpulkan tentera-tenteranya untuk menyerang Parit Sulong iaitu sebuah pekan kecil di Batu Pahat yang ramai didiami oleh orang-orang China. Mereka telah menjadikan Parit Puasa Batu Pahat sebagai pusat pergerakan untuk menyerang Parit Sulong dan tempat-tempat lain, bagi menunjukkan kepada masyarakat China bahawa orang-orang Melayu juga berkemampuan untuk menyerang-balas dan menghapuskan pengkhianat bangsa dan ugarnya.

Sebagai permulaan seramai 200 orang tentera Selendang Merah telah menyerang dan membunuh semua orang-orang China di Parit Sulong; dan gerakan permulaan ini telah memperolehi kejayaan besar. Kejayaan itu telah menaikkan lagi semangat orang-orang Melayu lain dan dengan itu semakin bertambah ramai yang menyertai gerakannya. Dengan itu pasukan ini telah dapat bergerak dari sebuah kampung kesemuanya kampung dan membunuh semua orang China yang ditemuinya. Gerakan seumpama ini telah memeranjatkan orang-orang China, termasuk tentera Bintang Tiga dan sebagai mekanisma tindak-balas orang-orang China juga cuba menentang Tentera Selendang Merah. Justru itu maka konflik perkauman diantara China dengan Melayu semakin ketara sehingga kedua kelompok ethnik ini tidak boleh bertemu — dimana sahaja mereka akan berperang dan masing-masing cuba menumpaskan musuhnya.

Satu perkara yang menarik dalam rusuhan ini ialah orang-orang Melayu di dalam Tentera Selendang Merah cuma menggunakan alat senjata tradisional seperti parang panjang, keris dan pedang, manakala orang-orang China dalam tentera Bintang Tiga menggunakan alat senjata moden yang dirampaskanya dari tentera-tentera Jepun. Namun demikian orang-orang Melayu boleh dikatakan telah mencapai kejayaan cemerlang dan mereka tidak gentar menghadapi musuh yang ramai serta lengkap dengan alat senjata moden itu. Oleh itu ramai yang berpendapat bahawa kejayaan orang-orang Melayu itu disebabkan oleh hikmat mereka mengamalkan ayat-ayat al-Quran untuk memerangi orang-orang kafir yang telah menunjukkan perbuatan menceroboh dan mencabul ugama Islam. Kiaii yang memimpin dan mengetuai pasukan juga telah memberikan air, yang dikatakan boleh menaikkan semangat berani berperang terus hingga mencapai kejayaan.

### **Serangan di Parit Jawa: Satu Tanda Kegagalan**

Berasaskan pada kejayaan yang didapati sekian lama, Tentera Selendang Merah cuba meneruskan gerakan keseluruh daerah dalam negeri Johor. Antara insiden yang menarik ialah strategi serangannya ke atas orang-orang China di Parit Jawa, iaitu sebuah bandar kecil di daerah Muar, dimana terdapat pertelingkahan diantara Kiaii-Kiaii mengenai waktu paling sesuai untuk memulakan serangan. Oleh sebab bandar ini penting dari segi kedudukannya yang hampir dengan "lubok hitam" di Bukit Mor Bakeri, dan berada dipertengahan jalan antara Muar dan Batu Pahat, maka ianya merupakan pusat kukuh orang-orang China.

Dengan itu beberapa orang Kiaii termasuk Kiaii Mashhudi, Kiaii Ijam, Kiaii Miskam, Kiaii Wak Joyo dan lain lain lagi telah bermesyuarat dan akhirnya mereka bersetuju supaya serangan keatas bandar ini dilakukan pada hari Sabtu, 15hb Ramadhan 1365. Serangan ini akan diketuai oleh Kiaii-Kiaii yang disebutkan tadi dan masing-masing akan membawa pasukannya untuk sama-sama memusnahkan masyarakat China di Parit Jawa. Panglima Kiaii Salleh pun akan membantu dalam serangan penting ini.

Sungguhpun demikian Kiaii Mashhudi berkeras dan tidak sanggup menunggu hingga hari Sabtu. Tambahan pula mengikut perkiraannya hari Rabu merupakan langkah paling baik untuk mempastikan kejayaan. Tetapi oleh sebab majoriti memikirkan hari Sabtu paling sesuai maka keputusan itu terus dijadikan ketetapan hari menyerang. Dengan itu Kiaii Mashhudi merasa tidak puashati dan mula menunjukkan sikap angkuh. Lantas ia memikirkan pasukannya sendiripun sudah cukup untuk menumpaskan bandar Parit Jawa. Oleh sebab itu ia dengan sendirinya telah mengumpulkan orang-orangnya di surau di Parit Gantong (kira-kira ½ batu dari Parit Jawa) pada hari Selasa 11 hb Ramadhan 1365 bagi bersedia menyerang Parit Jawa esok harinya. Semalam itu semua tentera pimpinan Kiaii Mashhudi membaca takbir untuk persiapan serangan.

Sementara tentera-tentera itu khusuk bertakbir sepanjang malam, orang-orang China di Parit Jawa mendapat tahu yang mereka akan diserang. Oleh itu mereka pun dengan cepat memindahkan semua familiinya ke Bandar Maharani dan lainnya membuat persiapan untuk mempertahankan diri dan keutuhan kuasa mereka di bandar ini. Tentera-tentera China dengan mesin-gun dan alat-senjata lain menggunakan tingkat atas bangunan sebagai kubu mereka. Dengan itu apabila Kiaii Mashhudi memerintahkan tenteranya yang seramai 200 orang menyerang Parit Jawa pada jam 9.00 pagi, telah mendapat tentangan paling sengit (dan belum pernah tentera ini menyerang beribu-ribu tentera Bintang Tiga yang cukup dengan senjata api moden). Sungguhpun demikian ketabahan, keberanian dan hikmat tentera Selendang Merah ini telah dapat juga mereka sekurang-kurangnya menggugat *morale* orang-orang China. Apa lagi bila didapati yang tentera-tentera Selendang Merah yang terdiri daripada orang-orang Melayu itu tidak menghiraukan tembakan senapang atau mesin-gun kerana masing-masing seolah-olah tidak ditembusi oleh peluru. Sebaliknya mereka terus menyerang bandar itu dari setiap penjuru dengan hanya menggunakan parang panjang, keris dan pedang.

Kendatipun demikian tentera yang hanya 200 orang itu tidak dapat memusnahkan semua tentera China. Mereka mula merasa hampa apabila tidak ada sebarang bantuan tentera didapati dari Kiaii Ijam, Kiaii Maskam, Kiaii Wak Joyo. Malah Panglima Kiaii Salleh sendiripun yang pada mulanya mahu menolong tidak juga kelihatan. Perkara ini telah menjadikan pasukan Kiaii Mashhudi terlalu letih dan terus mengambil keputusan untuk mengundurkan diri. Oleh itu serangan di Parit Jawa ini merupakan satu gerakan yang dianggap tidak sem-purna dan mencerminkan kegagalan. Kegagalan ini pada pokoknya disebabkan oleh keangkuhan Kiaii Mashhudi, sehingga panglima dan pemimpin lain tidak tahu dan oleh itu tidak bersedia memberikan bantuan. Dalam perjuangan ini dua

orang tentera Selendang Merah telah cedera parah dan akhirnya mati di Surau Parit Nipah.

### Kesan Serangan Selendang Merah

Apabila pasukan Kiaii Mashhudi tidak berjaya memusnahkan semua tentera China di Parit Jawa dan terus meninggalkan bandar ini, maka orang-orang China beranggapan mereka beroleh kemenangan. Dengan itu mereka semakin menunjukkan keganasan dan kebengisannya dengan keluar secara beramai-ramai dan membunuh semua orang-orang Melayu yang dijumpainya. Dalam beberapa hari selepas trajedi di Parit Jawa itu tidak kurang dari 10 orang Melayu dibunuhnya dan mereka itu terdiri daripada orang-orang perempuan, kanak-kanak dan pesakit-pesakit. Perkara ini telah semakin memarahkan orang-orang Melayu dan akibatnya serangan dari Tentera Selendang Merah menjadi bertambah besar dan merebak luas, bukan sahaja di Muar tetapi juga kesemua kampung hingga ke Batu Pahat. Orang-orang Melayu telah bukan sahaja membunuh semua orang-orang China yang dijumpai, malah membakar dan memusnahkan tempat tinggal mereka. Keganasan ini telah menggerunkan orang-orang China sehingga ramai diantara mereka yang masih hidup telah lari ke Bandar Maharani.

Tentera Selendang Merah pun berura-ura untuk sekali lagi menyerang Parit Jawa; tetapi sebelum ini dilakukan mereka mahu menghabiskan dahulu semua orang China di kampung kecil sepanjang antara Muar dan Batu Pahat. Malah mereka merancang untuk terus ke Bandar Penggaram sebelum balik ke Parit Jawa dan Bandar Maharani. Dalam gerakan ini Panglima Kiaii Salleh sendiri mengelapai serangan dan telah memusnahkan semua orang China di Semerah dan kawasan sekitarnya. Tetapi sebaik sahaja pasukan ini sampai di Peserai, mereka telah ditahan oleh Dato' Onn Jaafar yang cuba mencari jalan agar gerakan membunuh orang-orang China itu tidak diteruskan. Dato' Onn menyakinkan tentera Selendang Merah bahawa gerakan mereka sudah cukup memberikan pengajaran yang mendalam dikalangan orang-orang China dan mempastikan yang orang-orang China tidak akan melakukan kekejaman lagi terhadap orang-orang Melayu. Sebenarnya Dato' Onn sendiri telah beberapa kali "disembah" oleh pemimpin-pemimpin China supaya menggunakan jasa baiknya memberhentikan serang-balas orang-orang Melayu yang semakin besar dan menakutkan itu. Orang China sedar mula sekiranya gerakan Panglima Salleh dan pasukannya itu tidak diberhentikan besar kemungkinannya semua orang China di Negeri Johor akan musnah dan binasa.

Usaha Dato' Onn Jaafar ini akhirnya berjaya memberhentikan gerakan tentera Selendang Merah. Persetiaan untuk berbaik sangka dan tidak melakukan serang-menyerang diantara China dengan Melayu telah dibuat. Dengan itu Panglima Salleh terus ke Semerah dan Parit Jawa untuk mengumumkan peristiharan berdamai perselisihan Melayu-China. Tetapi persetiharan ini diterima oleh orang-orang Melayu dengan rasa dingin kerana perasaan benci pada keganasan orang-orang China masih lagi meluap. Oleh itu beberapa insiden terus juga berlaku di beberapa kawasan dan suasana aman yang sebenarnya masih tidak ujud lagi.

Kebangkitan dan gerakan Tentera Selendang Merah yang berasaskan pada usaha untuk menjaga maruah bangsa dan ugama itu telah memberikan beberapa kesan di kalangan masyarakat di kawasan ini. Antaranya ialah baik China maupun

Melayu mereka tidak berani lagi untuk tinggal memencarkan diri dikampung-kampung. Perpaduan komuniti mereka semakin kukuh dan memperlihatkan *espirit de corp* yang benar-benar bermakna. Kedua-dua komuniti memperluaskan lagi pelajaran seni mempertahankan diri seperti silat dikalangan orang-orang Melayu dan bermain tempong dikalangan orang-orang China. Kedua-dua komuniti merasa takut dan bimbang apabila berlaku sebarang krisis diantara mereka. Perasaan takut ini lebih dominan dikalangan orang-orang China, terutamanya mereka yang melihat dan mengalami trajedi konflik perkauman yang melibatkan ramai diantara mereka menjadi gila, cacat, timpang dan sebagainya. Orang-orang China di daerah ini juga menjadi terlalu sensitif apabila mendengar orang-orang Melayu bertakbir kerana dengan suara itu mereka gerun dan teringat semula akan peristiwa lama yang amat mengharukan dan hampir-hampir memusnahkan keturunan mereka di daerah ini.